

LATIHAN AYAT PERIBAHASA (SET 2)

Pilih peribahasa yang sesuai dengan ayat berdasarkan maksud yang diberi.

Bil.	Ayat	Maksud Peribahasa
1.	Kata-kata dan janji manis yang diberi oleh calon yang bertanding dalam pilihan raya itu tidak disukai oleh penduduk di kawasan itu seperti	Mengeluarkan kata-kata yang manis untuk memujuk
2.	Walaupun sudah bertahun-tahun Along dan Angah bermasam muka, akhirnya mereka berbaik semula kerana	Perselisihan sesama ahli keluarga akhirnya akan berbaik kembali
3.	Walaupun sudah sepuluh tahun berhijrah ke luar negara untuk mencari rezeki, Encik Izkram pulang ke kampung halaman untuk mengusahakan tanah milik keluarganya ibarat	Walaupun sudah jauh merantau di tempat orang, akhirnya kembali ke tempat asal juga
4.	Keluarga Encik Mohd. Salam cuba menyembunyikan kisah anaknya terlibat dalam rasuah, namun akhirnya rahsia tersebut tersebar juga kepada orang ramai kerana	Tidak boleh menyekat seseorang itu untuk berkata-kata atau memecahkan rahsia
5.	Hanya Husaini sahaja yang nakal di kelas 3 Zuhaili tetapi semua pelajar di kelas itu dianggap nakal oleh semua guru kerana	Disebabkan perbuatan seorang, semua yang lain turut terkena tempiasnya
6.	Walaupun asalnya Saidiyah seorang pelajar yang lembam namun setelah diajar dengan bersungguh-sungguh oleh guru-gurunya, akhirnya dia berjaya dalam peperiksaan itu dengan cemerlang kerana	Jika berusaha dengan gigih pasti akan berjaya kelak
7.	Aisyah yang tidak tahu apa-apa ilmu tentang perniagaan ingin cuba berniaga walaupun telah dinasihati oleh ayahnya kerana	Jika pengetahuan hanya sedikit sahaja, janganlah cuba untuk membuat sesuatu yang besar
8.	Segala nasihat Pak Uda kepada anaknya bagai	Nasihat yang tidak diendahkan oleh orang yang mendengarnya
9.	Azmi sering digelar	Orang yang suka membaca buku
10.	Emak menziarahi jiran yang sakit dengan membawa	Hadiah yang dibawa semasa melawat seseorang